

## UMS Prihatin, Sumbang Khairat Kematian kepada Waris Pelajar

Terakhir dikemaskini: Selasa, 23 Julai 2019 14:19 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 159

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

Jabatan Hal  
Ehwal  
Pelajar  
(JHEP)  
bersama  
Seksyen Hal  
Ehwal  
Pelajar  
Pusat  
Pengajian

Pascasiswazah (PPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyampaikan sumbangan khairat kematian berjumlah RM1,000 kepada balu seorang pelajar sarjana UMS.

Allahyarham Melin Daris meninggalkan seorang isteri, Anisah Muhamad dan tiga orang anak lelaki, seorang daripadanya sedang menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM), manakala dua lagi masih bersekolah.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) PPPS, Dr. Azaze Hj Abdul Adis.

Menurut Dr. Azaze, pihak Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar JHEP telah mengemukakan dokumen berkaitan tuntutan insuran pelajar kepada pihak Takaful Malaysia Berhad untuk tindakan selanjutnya.

Pada ziarah tersebut juga Dr. Azaze turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berharap mereka diberi kekuatan serta kesabaran dalam menghadapi ujian atas kehilangan insan tercinta.

Allahyarham meninggal dunia pada 6 Julai yang lalu dan dikebumikan di Tuaran.